

06/04/1997

Simposium Ikim dapat sambutan

KUALA LUMPUR: Simposium Antarabangsa Dunia Islam Dan Kerjasama Global: Persiapan Menjelang Abad Ke-21, terus mendapat sambutan ahli akademik dan tokoh masyarakat dunia.

Simposium tiga hari itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dengan kerjasama Pusat Kajian Islam Oxford, mulai 25 April ini.

Berita Harian adalah akhbar rasmi seminar itu.

Antara tokoh yang akan hadir ialah Ketua Pusat Penerangan dan Pembangunan Pendidikan Indonesia, Adi Sasono.

Adi banyak menjalankan kajian mengenai sains sosial dan sering menyertai seminar, ceramah dan simposium sama ada di peringkat antarabangsa atau tempatan.

Sebelum ini beberapa tokoh Amerika Syarikat dan Sudan juga menyatakan persetujuan untuk hadir.

(END)